

01 JAN 2002

MAHATHIR-EKONOMI

KADAR EKONOMI DIJANGKA TUMBUH TIGA PERATUS PADA 2002

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencapai tiga peratus untuk tahun 2002, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita percaya pada tahun 2001 mungkin kita capai pertumbuhan hanya di antara 0.5 peratus dengan satu peratus dan pada tahun 2002, mungkin mencapai lebih kurang tiga peratus," katanya.

Beliau menaruh keyakinan bahawa ekonomi negara akan pulih "sedikit" pada tahun 2002 dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain, pertumbuhan ekonomi Malaysia jauh lebih baik.

Beliau berkata demikian dalam program "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" yang disiarkan RTM dan Astro malam ini. Wawancara itu dikendalikan bersama oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin dan Penolong Pengarang E.Sivabalan.

Ditanya sama ada kelembapan ekonomi dunia, berikutan serangan pengganas terhadap Amerika pada 11 September lepas, akan menjejaskan sasaran Malaysia mencapai Wawasan 2020 di mana negara dijangka mencapai status negara maju, katanya ianya mungkin akan mempunyai kesan yang kecil sahaja.

"Mungkin ia mempunyai kesan sedikit tetapi kita berharap ini adalah hanya bagi tahun 2001. Seperti mana yang kita tahu pada tahun 2000, kita telah dapat mencapai pertumbuhan yang baik lebih daripada lapan peratus dan kita mengharapkan tahun 2001 juga kita dapat tumbuh kepada tahap yang sama.

"Tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan kemudian serangan pengganas, kita tidak dapat mencapai matlamat kita. Tetapi masih juga kita percaya tidak sebegitu buruk," katanya.

Bercakap mengenai kadar pengangguran berikutan kelembapan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata pengangguran di negara amat kecil sekali dan "saya fikir kita akan dapat pulihkan keadaan dan pengangguran tidak akan menjadi masalah kepada kita."

Katanya peluang pekerjaan masih banyak tetapi yang menjadi masalah ialah banyak daripada mereka yang menganggur memilih kerja dan "dengan itu terus menganggur."

Beliau juga berkata serangan pengganas ke atas Amerika telah menjejaskan kedatangan pelancong ke Malaysia di mana kadar pelancong yang datang telah menurun dengan mendadak selepas tragedi itu, yang mengorbankan lebih 3,000 nyawa.

"Jika tidak kerana keganasan 11 September, kita yakin setiap bulan kita akan mendapat lebih daripada sejuta pelancong. Dan ini adalah satu angka yang cukup besar kerana seluruh tahun 2000 jumlah pelancong ialah 10 juta iaitu tidak sampai sejuta sebulan," katanya.

Beliau berkata seramai 12.5 juta pelancong dianggarkan telah melawat Malaysia pada tahun 2001 dan kadar kedatangan yang tinggi ini adalah kerana daripada Januari hingga menjelang September lebih daripada sejuta pelancong melawat Malaysia setiap bulan.

"Ini yang menyebabkan angka itu naik untuk tahun 2001 walaupun pada bulan September ianya turun dengan mendadak, bulan Oktober juga masih rendah tidak mencapai sejuta, cuma 700,000 sahaja tetapi pada bulan-bulan yang awal itu memang bilangannya amat tinggi dan ini akan berjumlah lebih daripada 12 juta pada tahun 2001," kata Dr Mahathir.-- BERNAMA

SR ES OS